

FPP

June - November 2024

# BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

*Peningkatan Produk*

## TEBALOI

## work-life BALANCE

## The Power of PHYSIOTHERAPY

## wanita dan MOTOSIKAL

*sustainable*  
**SKINCARE**

## Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date  
25 October 2024

# TRAVEL LOG

## HAT YAI DAN PATTANI, THAILAND



Pada bulan Jun 2024 yang lalu, penulis sekeluarga telah berkunjung ke Thailand. Dua wilayah yang dilawati ialah Hatyai dan Pattani. Bersama dua buah keluarga lagi dari kejiranan yang sama, kami bertolak dari Puncak Alam pada pukul 10 malam dan tiba di Changlun pada pukul 5 pagi keesokan harinya. Di sana kami membeli insurans kenderaan, solat subuh dan terus ke Pusat Imigresen Bukit Kayu Hitam. Setibanya di sana penulis amat terkejut melihat begitu banyak kenderaan beratur untuk memasuki Thailand. Proses cop passport dan pengisytiharan kenderaan telah memakan masa selama hampir 3 jam.

Fauziana Fauzi @ Mat Rawi  
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Selangor, Selangor

Setelah selesai urusan di sempadan, kami terus menghala ke Hat Yai. Sepanjang pemerhatian penulis, jalan raya di sini adalah lurus dan tidak terdapat banyak lampu isyarat dan juga tol. Terdapat banyak kuil milik penganut agama Buddha serta gambar - gambar raja Thailand di kiri dan kanan jalan.

Hal ini kerana agama rasmi bagi Thailand ialah agama Buddha Theravada dan sejak lahir, rakyat Thailand telah diajar untuk menghormati dan mencintai raja mereka.

Kami berhenti di R n R seketika bagi mengalaskan perut. Di sana terdapat kedai serbaneka 7 Eleven serta kedai Café Amazon yang menjual pelbagai jenis minuman berasaskan kopi dan pastri.

Didapati harga minyak petrol di Thailand lebih mahal berbanding di Malaysia. Walaupun pada ketika ini nilai ringgit adalah sedikit murah berbanding nilai Thai Baht dengan kadar tukaran 100-baht bersamaan dengan RM12.66, namun ianya tidak menjejaskan kebanjiran rakyat Malaysia ke sana. Didapati warga Malaysia mendahului senarai pelancong yang melawat Thailand dengan 4.56 juta pelawat daripada jumlah keseluruhan 28 juta pelancong pada 2023.

Setibanya di Hat Yai, kami terus menuju ke sebuah kedai makan di tengah – tengah bandar bagi menikmati makanan tengah hari. Kami kemudiannya terus mendaftar masuk ke Buri Sriphu Hotel. Layanan daripada staf hotel agak mesra. Bilik penulis juga sangat selesa dan harganya juga berpatutan. Usai Solat Maghrib, penulis ke Central Market dan ASEAN Bazar. Di tingkat paling bawah Central Market terdapat lot – lot kedai yang menjual pelbagai jenis barangan terutamanya makanan yang kelihatan lazat belaka.

Di dalam hujan renyai, penulis menapak pula ke ASEAN Bazar yang jaraknya hanyalah 10 minit dari Central Market. Suasana di sini agak padat dengan pelancong – pelancong dari Malaysia. Dalam kekalutan tersebut, anak – anak penulis sempat juga membeli beberapa cenderamata untuk dibawa pulang. Penulis dan jiran – jiran sepakat untuk menikmati makan malam di kedai berhampiran ASEAN Bazar tersebut. Kami telah menikmati “Pad Thai” yang sangat sedap.



Pada keesokan harinya, seawal jam 8 pagi kami bertolak ke Pattani. Dalam perjalanan, kami telah singgah di Chang Puak Elephant Camp Hat Yai. Di sini pengunjung berpeluang menaiki gajah dengan bayaran 500 baht. Gajah – gajah yang akan ditunggang itu amat besar. Kami kemudiannya ke Seaverse Café & Restaurant. Café dan restaurant ini dibina di atas tasik buatan yang mempunyai air yang menghijau.

Terdapat jambatan gantung yang merentangi tasik tersebut. Di sana penulis membeli sebuah beg mengkuang bersaiz sederhana. Harganya kira – kira RM45 sahaja. Kami seterusnya ke Masjid Besar Songkhla iaitu masjid yang sangat terkenal di kalangan rakyat Malaysia yang ingin berpoligami. Di hadapannya terbentang sebuah kolam berbentuk memanjang seperti kolam di Taj Mahal.

Pada malam itu kami makan di Ban Lay. Sebuah kedai makan yang terletak di dalam hutan paya bakau dengan berlatar belakang laut. Makanan di sini amat sedap dan murah. Kami telah memesan ikan siakap masam manis, tomyam seafood, udang celup tepung, tiram, buah tembikai dan pelbagai lagi hidangan menarik. Sebelum pulang, kami berkesempatan ke Night Bazar serta beberapa kedai baju yang kelihatan menarik untuk dikunjungi. Namun persinggahan itu tidak lama keadaan suhu pada malam tersebut sangat panas. Penulis tidak sabar untuk pulang ke hotel yang sangat dekat dengan Universiti of Songkhla.

Pada keesokan harinya, penulis singgah di sebuah gerai berdekatan hotel bagi membeli pulut ayam. Di gerai tersebut juga terdapat pelbagai kuih-muih antaranya ialah Kuba guling, bebola ubi keledak. Kami bersarapan di kedai Roti De Forest yang menyajikan makanan berasaskan roti dan nasi. Kemudiannya kami ke Pasar Pattani pula. Pasarnya besar dan luas. Pasar ini terbahagi kepada tiga bahagian. Terdapat bahagian yang menjual barang – barang basah, barang kering serta sayur – sayuran dan buah-buahan. Tidak lengkap ke Pattani sekiranya tidak singgah di Masjid Ker Sek yang sejak sekian lama menjadi tempat ibadat rakyat Pattani dan juga terkenal dengan peristiwa berdarah yang berlaku pada 28 April 2012.

Penulis juga sempat singgah di salah sebuah gerai yang berderetan di sepanjang jalan. Gerai – gerai ini menjual buah Thai atau buah kelapa laut segar. Di sepanjang perjalanan di Pattani, penulis juga mendapati bahawa terdapat banyak sekatan oleh pihak tentera. Penulis bergerak pulang ke Malaysia melalui Pusat Imigresen Durian Burung di sempadan Kedai -Thailand.



Sebagai kesimpulannya, perjalanan kali ini sangat bermakna bagi penulis. "Jauh perjalan luas pemandangan" adalah ungkapan yang sangat sesuai untuk digambarkan. Persamaan dari segi makanan, agama dan budaya membuatkan penulis berasa sangat selesa dan ingin berkunjung lagi ke sini dan tempat – tempat lain di Thailand pada masa akan datang.



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

**BizNewz 2024**

**Faculty of Business and Management**

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**

**Tel: +609-8400400**

**Fax: +609-8403777**

**Email: biznewzuitm@gmail.com**